

# LAPORAN PASARAN HARTA

## Property Market Report

# 2021



PUSAT MAKLUMAT HARTA TANAH NEGARA  
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



**LAPORAN PASARAN HARTA**  
2021

***PROPERTY MARKET REPORT***  
2021

**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

***VALUATION AND PROPERTY SERVICES DEPARTMENT***  
***MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA***

## KANDUNGAN CONTENTS

<b>GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2021</b> .....	<i>overview 1</i>
<b>AN OVERVIEW OF THE MALAYSIAN PROPERTY MARKET IN YEAR 2021</b>	

<b>Jadual</b>	I	Penunjuk Utama Ekonomi Malaysia.....	<i>overview 29</i>
<b>Table</b>		<i>Key Indicators of the Malaysian Economy</i>	
	II	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga .....	<i>overview 30</i>
		<i>Number of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range</i>	
	III	Nilai Transaksi Harta Mengikut Subsektor dan Lingkungan Harga (RM Juta) .....	<i>overview 32</i>
		<i>Value of Property Transactions by Sub-Sector and Price Range (RM Million)</i>	
	IV	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa .....	<i>overview 34</i>
		<i>Number of Property Transactions by State and Time Period</i>	
	V	Nilai Transaksi Harta Mengikut Negeri dan Tempoh Masa (RM Juta).....	<i>overview 37</i>
		<i>Value of Property Transactions by State and Time Period (RM Million)</i>	
	VI	Bilangan Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik .....	<i>overview 40</i>
		<i>Number of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee</i>	
	VII	Nilai Transaksi Harta Mengikut Kategori Pemberi dan Penerima Pindah Milik (RM Juta) .....	<i>overview 42</i>
		<i>Value of Property Transactions by Category of Transferor and Transferee (RM Million)</i>	
	VIII	Penawaran Unit Kediaman di Malaysia.....	<i>overview 44</i>
		<i>Supply of Residential Units in Malaysia</i>	
	IX	Penawaran Unit Kedai di Malaysia.....	<i>overview 45</i>
		<i>Supply of Shop Units in Malaysia</i>	
	X	Penawaran dan Penghunian Kompleks Perniagaan di Malaysia .....	<i>overview 46</i>
		<i>Supply and Occupancy of Shopping Complex in Malaysia</i>	
	XI	Penawaran dan Penghunian Pejabat Binaan Khas di Malaysia.....	<i>overview 47</i>
		<i>Supply and Occupancy of Purpose-Built Office in Malaysia</i>	
	XII	Penawaran Unit SOHO di Malaysia .....	<i>overview 48</i>
		<i>Supply of SOHO Units in Malaysia</i>	
	XIII	Penawaran Unit Pangsapuri Khidmat di Malaysia.....	<i>overview 49</i>
		<i>Supply of Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	
	XIV	Penawaran Unit Industri di Malaysia.....	<i>overview 50</i>
		<i>Supply of Industrial Units in Malaysia</i>	
	XV	Bilangan Bilik Hotel .....	<i>overview 51</i>
		<i>Number of Hotel Rooms</i>	
	XVI	Bilangan & Prestasi Jualan Pelancaran Baru dan Bilangan & Nilai Unit Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia .....	<i>overview 52</i>
		<i>Number &amp; Sales Performance of New Launches and Number &amp; Value of Unsold Residential Units in Malaysia</i>	
	XVII	Bilangan Unit Kedai yang Tidak Terjual di Malaysia.....	<i>overview 53</i>
		<i>Number of Unsold Shop Units in Malaysia</i>	
	XVIII	Bilangan Unit Industri yang Tidak Terjual di Malaysia .....	<i>overview 54</i>
		<i>Number of Unsold Industrial Units in Malaysia</i>	
	XIX	Bilangan Unit SOHO yang Tidak Terjual di Malaysia .....	<i>overview 55</i>
		<i>Number of Unsold SOHO Units in Malaysia</i>	
	XX	Bilangan Unit Pangsapuri Khidmat yang Tidak Terjual di Malaysia.....	<i>overview 56</i>
		<i>Number of Unsold Serviced Apartment Units in Malaysia</i>	

<b>Catatan Teknikal</b> .....	<i>overview 61</i>
<b>Technical Note</b>	

## GLOSARI GLOSSARY

% Pecahan	:	<i>% Breakdown</i>
% Perubahan	:	<i>% Change</i>
"Purata" Semua Rumah	:	<i>"Average" All Houses</i>
Ambilan Ruang	:	<i>Take-up Space</i>
Bandar	:	<i>Town</i>
Berkembar	:	<i>Semi-Detached</i>
Bilangan	:	<i>Number</i>
Bilangan Transaksi	:	<i>Number Of Transactions</i>
Bilangan Unit	:	<i>Number Of Units</i>
Blok Pejabat/Lot Pejabat	:	<i>Office Block/Office Lot</i>
Durian	:	<i>Durian</i>
Dusun	:	<i>Orchard</i>
Fasa	:	<i>Phase</i>
Getah	:	<i>Rubber</i>
Harga Purata	:	<i>Average Price</i>
Hektar	:	<i>Hectare</i>
Indeks Harga Semua Rumah	:	<i>All House Price Index</i>
Indeks Keyakinan Perniagaan	:	<i>Business Condition Index</i>
Industri	:	<i>Industrial</i>
Jenis	:	<i>Type</i>
Juta	:	<i>Million</i>
Kadar Ambilan	:	<i>Take-Up Rate</i>
Kadar Asas Pinjaman (BLR)	:	<i>Base Lending Rate (BLR)</i>
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	:	<i>Overnight Policy Rate (OPR)</i>
Kadar Penghunian Purata (pejabat/ kompleks perniagaan)	:	<i>Average Occupancy Rate (office/ shopping complex)</i>
Kadar Penginapan Purata (hotel)	:	<i>Average Occupancy Rate (hotel)</i>
Kadar Pinjaman Purata (ALR)	:	<i>Average Lending Rate (ALR)</i>
Kadar Pulangan Kasar Purata	:	<i>Average Gross Yield</i>
Kadar Serapan	:	<i>Absorption Rate</i>
Kawasan Sekunder Pusat Bandar	:	<i>Central Town Secondary Area</i>
Kawasan Sekunder Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Secondary Area</i>
Kawasan Utama Pusat Bandar	:	<i>Central Town Prime Area</i>
Kawasan Utama Pinggir Bandar	:	<i>Suburban Prime Area</i>
Kedai	:	<i>Shop</i>
Kedai Industri	:	<i>Industrial Shop</i>
Kedai Sebelum Perang	:	<i>Pre-war Shop</i>
Kedai Tanpa Inap	:	<i>Lock-up Shop</i>
Kediaman	:	<i>Residential</i>
Kedudukan/lokasi	:	<i>Location</i>
Kelapa	:	<i>Coconut</i>
Kelapa Sawit	:	<i>Oil Palm</i>
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	:	<i>Gross Domestic Product (GDP)</i>
Kilang Berkembar/Gudang	:	<i>Semi-Detached Factory/Warehouse</i>

**GLOSARI**  
**GLOSSARY**

Kilang Sesebuah/Gudang	:	<i>Detached Factory/Warehouse</i>
Kilang Teres/Gudang	:	<i>Terraced Factory/Warehouse</i>
Koko	:	<i>Cocoa</i>
Kompleks	:	<i>Complex</i>
Kompleks Industri/Unit	:	<i>Industrial Complex/Unit</i>
Kompleks Perniagaan	:	<i>Shopping Complex</i>
Kondominium	:	<i>Condominium</i>
Kopi	:	<i>Coffee</i>
Ladang	:	<i>Estate</i>
Lingkungan Harga	:	<i>Price Range</i>
Lingkungan Sewa Sebulan	:	<i>Rental Range Per Month</i>
Lot Niaga Di Dalam Kompleks Perniagaan	:	<i>Retail Lot In Shopping Complex</i>
Luas Lantai Purata	:	<i>Average Floor Area</i>
Luas Tanah Purata	:	<i>Average Land Area</i>
m.p. (Meter Persegi)	:	<i>s.m. (Square Meter)</i>
Nilai	:	<i>Value</i>
Nilai Pindah Milik	:	<i>Value of Transactions</i>
Padi	:	<i>Paddy</i>
Padi Dua Kali Setahun	:	<i>Double Cropping Paddy</i>
Padi Sekali Setahun	:	<i>Single Cropping Paddy</i>
Pajakan	:	<i>Lease</i>
Pangsapuri	:	<i>Apartment</i>
Paras Ambang	:	<i>Threshold Level</i>
Pasaran Sewa	:	<i>Rental Market</i>
Pecahan Lot	:	<i>Subdivision of Lot</i>
Pedalaman	:	<i>Interior</i>
Penawaran Akan Datang	:	<i>Incoming Supply</i>
Penawaran Baharu Dirancang	:	<i>New Planned Supply</i>
Penawaran Dalam Perancangan	:	<i>Planned Supply</i>
Penghunian (pejabat/kompleks perniagaan)	:	<i>Occupancy (office/shopping complex)</i>
Penginapan (hotel)	:	<i>Occupancy (hotel)</i>
Perniagaan/Perdagangan/Komersial	:	<i>Commercial</i>
Pertanian	:	<i>Agricultural</i>
Perubahan % Dari Tahun Ke Tahun	:	<i>Year on Year % Change</i>
Perubahan Harga Purata	:	<i>Average Price Change</i>
Perubahan Sewaan Purata	:	<i>Average Rental Change</i>
Plot Kosong	:	<i>Vacant Plot</i>
Plot Perniagaan	:	<i>Commercial Plot</i>
Prestasi Jualan	:	<i>Sales Performance</i>
Rumah Bandar	:	<i>Townhouse</i>
Rumah Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster House</i>
Rumah Kos Rendah	:	<i>Low-Cost House</i>
Rumah Pangsa	:	<i>Flat</i>
Rumah Pangsa Kos Rendah	:	<i>Low-Cost Flat</i>

## GLOSARI GLOSSARY

Saiz Sampel	:	<i>Sample Size</i>
Sayur-sayuran	:	<i>Vegetable</i>
Sesebuah	:	<i>Detached</i>
Sewa	:	<i>Rent</i>
Sewaan	:	<i>Rental</i>
Sewaan Tingkat Bawah Kedai	:	<i>Rentals of Ground Floor Shop</i>
Skim Perumahan Bertingkat Tinggi	:	<i>High-Rise Residential Schemes</i>
Skim Perumahan Konvensional	:	<i>Conventional Housing Schemes</i>
Stabil	:	<i>Stable</i>
Stok Sedia Ada	:	<i>Existing Stock</i>
Tahun Siap (dibina)	:	<i>Year of Completion</i>
Taman Perindustrian Ringan	:	<i>Light Industrial Park</i>
Tanah Adat Melayu	:	<i>Malay Customary Land</i>
Tanah Kampung	:	<i>Kampung Land</i>
Tanah Kosong	:	<i>Vacant Land</i>
Tanah Pembangunan	:	<i>Development Land</i>
Tanah Rezab Melayu	:	<i>Malay Reservation Land</i>
Tarif	:	<i>Tariff</i>
Tembakau	:	<i>Tobacco</i>
Tempoh Kajian	:	<i>Review Period</i>
Tempoh Sebelumnya/Sebelum ini	:	<i>Preceding Period</i>
Tempoh Yang Sama Tahun Lalu	:	<i>Corresponding Period</i>
Teres	:	<i>Terraced</i>
Berkelompok/Kluster	:	<i>Cluster</i>
Tidak Didefinasikan (ND)	:	<i>Not Definable (ND)</i>
Tidak Boleh Dipindah Milik	:	<i>Not Transferable</i>
Tidak Diperolehi (NA)	:	<i>NA (Not Available)</i>
Tingkat Bawah	:	<i>Ground Floor</i>
Tingkat Bawah Tanah	:	<i>Lower Ground Floor</i>
Trend / Aliran	:	<i>Trend</i>
Trend / Aliran Menaik	:	<i>Upward Trend</i>
Trend / Aliran Menurun	:	<i>Downward Trend</i>
Belum Dibina Belum Terjual	:	<i>Unsold Not Constructed</i>
Dalam Pembinaan Belum Terjual	:	<i>Unsold Under Construction</i>
Mula Dibina	:	<i>Starts</i>
Siap Dibina	:	<i>Completion</i>
Siap Dibina Tidak Terjual	:	<i>Overhang</i>





# **GAMBARAN KESELURUHAN *OVERVIEW***



## 1.0 GAMBARAN KESELURUHAN PASARAN HARTA TANAH

Ekonomi Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang positif sebanyak 3.6% pada Q4 2021 berbanding penguncupan 4.5% pada Q3 2021. Memandangkan langkah kawalan dipermudahkan dan sekatan pergerakan antara negeri ditarik balik pada Oktober 2021, aktiviti ekonomi diteruskan. Semua sektor ekonomi pulih, diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Dengan peningkatan pada Q4 2021, ekonomi berkembang sebanyak 3.1% pada 2021.

## 1.0 OVERVIEW OF THE PROPERTY MARKET

The Malaysian economy recorded a positive growth of 3.6% in Q4 2021 as compared to the 4.5% contraction in Q3 2021. As containment measures eased and restrictions on movement between states lifted in October 2021, economic activities resumed. All economic sectors rebound, led by services and manufacturing sectors. With the upturn in Q4 2021, the economy grew by 3.1% in 2021.

**Table 1 – Percentage Change from Corresponding Quarter of Preceding Year**

Year	2020	Q1 20	Q2 20	Q3 20	Q4 20	2021	Q1 21	Q2 21	Q3 21	Q4 21
GDP (% yoy)	-5.6%	0.7%	-17.2%	-2.7%	-3.4%	3.1%	-0.5%	16.1%	-4.5%	3.6%

Source: Department of Statistics Malaysia/ Bank Negara Malaysia

Penemuan daripada tinjauan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) yang melibatkan pengilang dan isi rumah menunjukkan bahawa Indeks Keadaan Perniagaan menyaksikan peningkatan pada Q4 2021 pada 122.0, melebihi mata ambang 100 walaupun Indeks Sentimen Pengguna menyaksikan dengan penurunan indeks di bawah ambang optimisme.

Findings from the surveys conducted by Malaysian Institute of Economic Research (MIER) involving manufacturers and households revealed that Business Conditions Index saw improvements in Q4 2021 at 122.0, above the 100-point threshold though Consumer Sentiment Index saw the reverse, as the index fell below the optimism threshold.

Bagi segmen kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) 1.75% pada 3 Mac 2022. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) menganggap ianya sesuai dan bertepatan, yang akan terus menyokong pemulihan ekonomi. Dari segi permintaan, permohonan pinjaman dan kelulusan untuk pembelian kediaman masing-masing meningkat lebih daripada 30% berbanding 2020. Kelulusan pinjaman mencatatkan pemulihan yang besar dari tahun lepas. Begitu juga, permohonan pinjaman dan kelulusan untuk pembelian bukan kediaman meningkat masing-masing pada 33.9% dan 45.7%.

On the financial segment, Bank Negara Malaysia (BNM) decided to maintain the Overnight Policy Rate (OPR) at 1.75% as at 3 March 2022. This is considered by the Monetary Policy Committee (MPC) as appropriate and accommodating, which will continue to support economic recovery. On the demand side, loan applications and approvals for residential purchase each increased by more than 30% compared to 2020. Loan approvals recorded a substantial turnaround from last year. Similarly, loan applications and approvals for non-residential purchase increased at a higher 33.9% and 45.7% respectively.

**Table 2 - Loan Application and Loan Approval for Purchase of Residential**

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Approval/ Application (%)
2017	239.81	101.52	13.1	15.9	42.3
2018	240.90	103.70	0.4	2.1	43.1
2019	260.77	112.57	8.3	8.6	43.2
2020	266.44	93.12	2.2	-17.3	35.0
2021	349.60	122.0	31.2	31.0	34.9

Source: Bank Negara Malaysia

**Table 3 - Loan Application and Loan Approval for Purchase of Non-Residential**

Purchase of Residential					
Year	Loan Application (RM Billion)	Loan Approval (RM Billion)	% Change Loan Application	% Change Loan Approval	Approval/ Application (%)
2017	86.04	31.12	7.6	-5.4	36.2
2018	96.93	35.15	12.7	12.9	36.3
2019	97.57	36.55	0.7	4.0	37.5
2020	68.34	22.96	-30.0	-37.2	33.6
2021	91.49	33.45	33.9	45.7	36.6

Source: Bank Negara Malaysia

Pasaran harta tanah menunjukkan tanda pemulihan susulan pelaksanaan pelbagai rangsangan yang disediakan kerajaan iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang dipanggil Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Rangsangan ini pada umumnya membantu mengekalkan keyakinan industri dan isi rumah dalam menghadapi kesan wabak. Di samping itu, inisiatif yang diperkenalkan di bawah Bajet 2021 kekal menyokong pasaran harta tanah. Antara inisiatif termasuk:

1. Memperuntukkan dana sejumlah RM1.2 bilion bagi menyediakan perumahan yang selesa dan berkualiti, khas untuk golongan berpendapatan rendah:
  - a. RM500 juta untuk membina 14,000 unit rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat.
  - b. RM315 juta untuk pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.
  - c. RM125 juta untuk penyelenggaraan perumahan strata kos rendah dan sederhana rendah serta bantuan untuk memperbaiki rumah yang usang dan rosak akibat bencana alam; dan
  - d. RM310 juta untuk Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)
2. Pengecualian penuh duti setem pada instrumen pindahmilik dan perjanjian pinjaman untuk pembeli rumah pertama akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025, berkuat kuasa untuk penjualan dan pembelian yang disempurnakan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025.
3. Pengecualian Duti Setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindahmilik diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai dilanjutkan bagi tempoh lima tahun lagi. Pengecualian ini adalah untuk perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2025 bagi projek perumahan terbengkalai yang disahkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

*The property market showed signs of recovery following the implementation of various stimulus provided by the government, via Short-term Economic Recovery Plan namely Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) and Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN). The stimulus helped to sustain the confidence of the industry and households at large in coping with the impact of pandemic. In addition, initiatives introduced under Budget 2021 remained supportive to the property market. Among the initiatives included:*

1. *An allocation of RM1.2 billion for providing comfortable and quality housing, especially for the low-income group:*
  - a. *RM500 million to build 14,000 units low-cost housing under Program Perumahan Rakyat.*
  - b. *RM315 million for the construction of 3,000 units of Rumah Mesra Rakyat by Syarikat Perumahan Negara Berhad.*
  - c. *RM125 million for the maintenance of low cost and medium-low stratified housing as well as assistance to repair dilapidated houses and those damaged by natural disasters; and*
  - d. *RM310 million for the Malaysia Civil Servants Housing Program (PPAM).*
2. *Full stamp duty exemption on instruments of transfer and loan agreement for first-time home buyers will be extended until 31 December 2025, effective for sale and purchase executed from 1 January 2021 to 31 December 2025.*
3. *Stamp Duty exemption on loan agreement and instruments of transfer given to rescuing contractors and the original house purchasers is extended for five years. This exemption is effective for loan agreements and instruments of transfer executed from 1 January 2021 to 31 December 2025 for abandoned housing projects certified by Ministry of Housing and Local Government (KPKT).*

4. Kerajaan akan bekerjasama dengan institusi kewangan terpilih untuk menyediakan Skim Sewa untuk Beli. Program ini akan dilaksanakan sehingga tahun 2022 yang melibatkan 5,000 unit rumah PR1MA dengan nilai keseluruhan lebih dari RM1 bilion.

Bagi PENJANA, inisiatif kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan yang telah membantu mengurangkan kesan terhadap pasaran harta tanah meliputi:

1. Memperkenalkan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) – Pengecualian duti setem ke atas surat cara pemindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah kediaman berharga antara RM300,000 hingga RM2.5 juta tertakluk kepada sekurang-kurangnya 10% diskaun yang disediakan oleh pemaju. Pengecualian ke atas surat cara pindah milik adalah terhad kepada RM1 juta pertama harga rumah manakala pengecualian duti setem penuh diberikan ke atas perjanjian pinjaman berkuat kuasa untuk perjanjian jual beli yang ditandatangani antara 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2021.
2. Pengecualian RPGT untuk pelupusan rumah kediaman dari 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2021 (Pengecualian ini terhad kepada pelupusan tiga unit rumah kediaman setiap individu).
3. Pengecualian margin semasa 70 peratus had pembiayaan yang terpakai untuk pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya untuk harta tanah bernilai RM600,000 dan ke atas, dalam tempoh HOC, tertakluk kepada amalan pengurusan risiko dalaman institusi kewangan.

Kempen Pemilikan Rumah (HOC) telah dilanjutkan oleh kerajaan sehingga 31 Disember 2021, dengan harapan dapat membantu isi rumah memiliki rumah dan mengurangkan bilangan harta tanah belum terjual di negara ini.

4. *Collaboration with selected financial institutions to provide a Rent-to-Own Scheme. The program will be implemented until 2022 involving 5,000 units PR1MA houses with a total value of more than RM1 billion.*

*For PENJANA, the financial initiatives introduced by the government which have helped soften the impact on property market included:*

1. *Re-introduction of Home Ownership Campaign (HOC) - Stamp duty exemption on the instruments of transfer and loan agreement for the purchase of residential homes priced between RM300,000 to RM2.5 million subject to at least 10% discounts provided by the developer. The exemption on the instrument of transfer is limited to the first RM1 million of the home price while full stamp duty exemption is given on loan agreement effective for sales and purchase agreements signed between 1st June 2020 to 31 May 2021.*
2. *RPGT exemption for disposal of residential homes from 1st June 2020 to 31 December 2021 (This exemption is limited to the disposal of three units of residential homes per individual).*
3. *The lifting of the current 70 percent margin of financing limit applicable for the third housing loan onwards for property valued at RM600,000 and above, during the period of the HOC, subject to internal risk management practices of financial institutions.*

*The Home Ownership Campaign (HOC) has been extended by government up to December 31, 2021, in hoping to assist households to own homes and reduce the numbers of unsold properties in the country.*

## 2.0 AKTIVITI PASARAN HARTA TANAH

Prestasi pasaran harta tanah menunjukkan sedikit peningkatan pada 2021 tetapi masih belum melepasi paras pre-pandemik yang dicatatkan sebelum 2020. Lebih 300,000 transaksi bernilai hampir RM145 bilion telah direkodkan, menunjukkan peningkatan sebanyak 1.5% dalam bilangan dan 21.7% dalam nilai berbanding tahun sebelumnya.

Subsektor kediaman, perdagangan dan perindustrian menyaksikan peningkatan masing-masing sebanyak 3.9%, 10.7% dan 17.6%, manakala subsektor pertanian dan tanah pembangunan masing-masing merosot sedikit sebanyak 7.5% dan 7.4%. Nilai transaksi mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi bagi subsektor tanah kediaman, perdagangan, perindustrian dan tanah pembangunan masing-masing pada 16.7%, 43.1%, 32.9% dan 33.2% manakala pertanian mencatat sebaliknya, menurun sebanyak 5.1%.

Subsektor kediaman menerajui keseluruhan pasaran harta tanah dengan menyumbang sebanyak 66.2% dalam bilangan transaksi. Ini diikuti oleh pertanian (18.9%), perdagangan (7.5%), tanah pembangunan dan lain-lain (5.6%) dan perindustrian (1.9%). Subsektor kediaman sekali lagi menerajui dengan 53.1% bahagian, diikuti oleh perdagangan (19.3%), perindustrian (11.7%), pertanian (8.2%) dan tanah pembangunan dan lain-lain (7.7%).

## 2.0 PROPERTY MARKET ACTIVITY

The property market performance showed a slight improvement in 2021 but has yet to surpass the pre-pandemic level recorded prior to 2020. More than 300,000 transactions worth nearly RM145 billion were recorded, indicating an increase of 1.5% in volume and 21.7% in value compared to last year.

The residential, commercial and industrial sub-sectors saw an increase of 3.9%, 10.7% and 17.6% respectively, while agriculture and development land sub-sectors declined slightly by 7.5% and 7.4% respectively. Value of transactions recorded higher increase for residential, commercial, industrial and development land sub-sectors each at 16.7%, 43.1%, 32.9% and 33.2% whereas agriculture recorded otherwise, decreased by 5.1%.

The residential sub-sector led the overall property market with 66.2% contribution in volume. This was followed by agriculture (18.9%), commercial (7.5%), development land and others (5.6%) and industrial (1.9%). The residential sub-sector again took the lead with 53.1% share, followed by commercial (19.3%), industrial (11.7%), agriculture (8.2%) and development land and others (7.7%).

Chart 1

Overall Volume of Transactions 2017 – 2021




Chart 2

Overall Value of Transactions 2017 – 2021




Chart 3

Contribution to Transaction Volume by Sub-sector 2021





Chart 4

Contribution to Transaction Value by Sub-sector 2021




## 2.1 Harta Kediaman

### Transaksi

Terdapat 198,812 transaksi bernilai RM76.90 bilion dicatatkan pada 2021, meningkat 3.9% dalam bilangan dan 16.7% dalam nilai berbanding 2020. Peningkatan itu disokong oleh aliran menaik yang dicatatkan di WP Kuala Lumpur (4.9%), Selangor (10.7%), Pulau Pinang (16.3%) dan Perak (3.2%). Sebaliknya, Johor mencatatkan penurunan dalam aktiviti pasaran sebanyak 2.4%.

Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi terhadap syer pasaran negara, dengan 24.5% dalam bilangan (48,755 pindahmilik) dan 34.4% dalam nilai (RM26.49 bilion). WP Kuala Lumpur merekodkan 11,129 transaksi tetapi menduduki tempat kedua tertinggi dalam nilai RM9.69 bilion, menyumbang 12.6% syer pasaran. Permintaan terus tertumpu pada rumah teres, membentuk kira-kira 43.0% daripada jumlah transaksi kediaman, diikuti dengan plot kosong dan unit bertingkat tinggi, masing-masing dengan hampir 15% syer pasaran. Julat harga mampu milik RM300,000 dan ke bawah menyumbang 55.9% daripada jumlah keseluruhan, diikuti RM300,001 hingga RM500,000 (24.6%), RM501,000 – RM1,000,000 (14.8%) dan lebih RM1,000,000 (4.8%).



### Pelancaran Baharu

Pasaran utama menyaksikan kemasukkan unit pelancaran baharu yang lebih rendah. Terdapat hampir 44,000 unit dilancarkan pada 2021, berbanding 47,178 unit pada 2020. Penurunan ini telah dijangka disebabkan pemaju menangguhkan pelancaran baharu berikutan pasaran harta tanah yang perlahan dan peningkatan jumlah inventori belum terjual. Prestasi jualan adalah sederhana pada 39.3% pada 2021.

Selangor mencatatkan jumlah pelancaran baharu tertinggi di negara ini, menguasai hampir 22.4% (9,827 unit) daripada jumlah keseluruhan prestasi jualan negara

## 2.1 Residential Property

### Transaction

There were 198,812 transactions worth RM76.90 billion recorded in 2021, increased by 3.9% in volume and 16.7% in value as compared with 2020. The improvement was supported by the uptrend recorded in WP Kuala Lumpur (4.9%), Selangor (10.7%), Pulau Pinang (16.3%) and Perak (3.2%). Conversely, Johor recorded a decline in market activity by 2.4%.

Selangor contributed the highest volume and value to the national market share, with 24.5% in volume (48,755 transactions) and 34.4% in value (RM26.49 billion). WP Kuala Lumpur recorded 11,129 transactions but ranked the second highest in value at RM9.69 billion, contributing 12.6% market share. Demand continued to focus on terraced houses, formed around 43.0% of the total residential transactions, followed by vacant plots and high-rise units, each with nearly 15% market share. The affordable price range of RM300,000 and below accounted for 55.9% of the total, followed by RM300,001 to RM500,000 (24.6%), RM501,000 – RM1,000,000 (14.8%) and more than RM1,000,000 (4.8%).



### New Launches

The primary market saw lesser release of new launches. There were nearly 44,000 units launched in 2021, against 47,178 units in 2020. The decline was expected as developers held back on the new launches due to the softening property market and increasing numbers of unsold inventories. Sales performance was moderate at 39.3% in 2021.

Selangor recorded the highest number of new launches in the country, capturing nearly 22.4% (9,827 units) of the national total with sales performance at 54.0%.




pada 54.0%. Johor mencatatkan jumlah kedua tertinggi (5,513 unit, 12.6% syer) dengan prestasi jualan pada 49.2%. Perak menduduki tempat ketiga (5,239 unit, 11.9% syer) dengan prestasi jualan pada 25.8%.

*Johor recorded the second highest number (5,513 units, 12.6% share) with sales performance at 49.2%. Perak came third (5,239 units, 11.9% share) with sales performance at 25.8%.*

Rumah teres (60.1%) mendominasi pelancaran baharu, terdiri daripada satu tingkat (10,667 unit) dan dua hingga tiga tingkat (15,705 unit), diikuti unit kondominium/ pangsapuri dengan 27.4% syer (12,018 unit).

*Terraced houses (60.1%) dominated the new launches, comprising single storey (10,667 units) and two to three storey (15,705 units), followed by condominium/ apartment units with 27.4% share (12,018 units).*



**Status Pasaran**

Keadaan kediaman tidak terjual kurang memberangsangkan, dengan jumlah bilangan hampir 37,000 unit bernilai RM22.79 bilion pada akhir tahun, masing-masing meningkat sebanyak 24.7% dan 20.5% dalam bilangan dan nilai berbanding tahun lepas.

**Market Status**

*The residential overhang situation was less encouraging, with volume amounting to nearly 37,000 units worth RM22.79 billion as at year-end, increased by 24.7% and 20.5% in volume and value respectively against last year.*

Selangor mengekalkan bilangan dan nilai tidak terjual tertinggi di negara ini dengan 6,095 unit bernilai RM5.28 bilion, masing-masing menyumbang 16.5% dan 23.2% daripada jumlah nasional. Diikuti Johor (6,089 unit bernilai RM4.72 bilion), Pulau Pinang (5,493 unit bernilai RM3.56 bilion) dan WP Kuala Lumpur (3,908 unit bernilai RM3.17 bilion).

*Selangor retained the highest number and value of overhang in the country with 6,095 units worth RM5.28 billion, accounting to 16.5% and 23.2% respectively of the national total. Johor (6,089 units worth RM4.72 billion), Pulau Pinang (5,493 units worth RM3.56 billion) and WP Kuala Lumpur (3,908 units worth RM3.17 billion) followed suit.*

Kondominium/ pangsapuri membentuk 55.6% (20,505 unit) daripada jumlah tidak terjual nasional, diikuti rumah teres (21.3%; 7,839 unit). Ironinya, rumah dalam julat harga mampu milik RM300,000 dan ke bawah membentuk majoriti dengan 31.5% (11,610 unit). Ini diikuti oleh RM500,001 hingga RM1.0 juta dengan 30.2% (11,139 unit), RM300,001 dan RM500,000 dengan 25.7% (9,461 unit) dan lebih RM1.0 juta dengan 12.6% (4,653 unit).


*Condominium/ apartment formed 55.6% (20,505 units) of the national total overhang, followed by terraced houses (21.3%; 7,839 units). Ironically, houses in the affordable price range of RM300,000 and below formed the majority with 31.5% (11,610 units). This was followed by RM500,001 to RM1.0 million with 30.2% (11,139 units), RM300,001 and RM500,000 with 25.7% (9,461 units) and more than RM1.0 million with 12.6% (4,653 units).*




Unit dalam pembinaan belum terjual bertambah baik apabila jumlahnya menurun sebanyak 2.1% kepada 70,231 unit. Bagaimanapun, belum dibina belum terjual mencatatkan peningkatan mendadak sebanyak 69.2% kepada 21,960 unit.

*On a better note, the unsold under construction improved as the numbers dropped by 2.1% to 70,231 units. However, the unsold not constructed recorded a sharp increase by 69.2% to 21,960 units.*

**Chart 8**  
Residential Market Status 2017 – 2021



**Chart 9**  
Residential Market Status by State 2021



### Aktiviti Pembinaan

Dalam segmen pembinaan, unit kediaman mula dibina meningkat sebanyak 5.0% kepada 86,258 unit pada 2021 berbanding 2020, diterajui oleh Selangor dengan 19,283 unit. Begitu juga, penawaran baharu dirancang meningkat 8.2% kepada 77,585 unit diterajui oleh WP Kuala Lumpur dengan 17,068 unit. Sebaliknya, siap dibina menurun sebanyak 0.8% kepada 76,393 unit.

### Construction Activity


*In the construction segment, housing starts were promising, up by 5.0% to 86,258 units in 2021 compared to 2020, led by Selangor with 19,283 units. Similarly, new planned supply increased by 8.2% to 77,585 units led by WP Kuala Lumpur with 17,068 units. Contrarily, completions downed by 0.8% to 76,393 units.*

Pada akhir tahun, terdapat hampir 5.96 juta unit kediaman sedia ada dengan lebih 0.42 juta unit penawaran akan datang dan hampir 0.43 juta unit penawaran dirancang.

*As at year-end, there were nearly 5.96 million existing residential units with more than 0.42 million in the incoming supply and nearly 0.43 million in the planned supply.*

**Chart 10**

**Residential Construction Activity**



**Pergerakan Harga**

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) berada pada 201.5 mata pada 2021<sup>P</sup> dengan pertumbuhan tahunan yang rendah sebanyak 0.6%. Indeks Harga Rumah Teres berjaya mengekalkan pertumbuhan pada 2.0%, disokong oleh permintaan berterusan untuk segmen perumahan. Bagaimanapun, Indeks Harga Rumah Bertingkat Tinggi, Berkembar dan Sesebuah masing-masing mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.2%, 0.1% dan 3.3%. Negeri-negeri utama menyaksikan pergerakan bercampur-campur dalam Indeks Harga Rumah keseluruhan—Selangor dan Johor masing-masing meningkat 1.6% dan 2.6% manakala WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang masing-masing menurun 3.6% dan 1.7%.

**Price Movements**

The Malaysian House Price Index (MHPI) stood at 201.5 points in 2021<sup>P</sup> with a low annual growth of 0.6%. Terraced House Price Index managed to sustain growth at 2.0%, supported by the continuous demand for this housing segment. However, High-Rise, Semi-Detached and Detached House Price Index recorded a slight decline of 0.2%, 0.1% and 3.3% respectively. Major states saw mixed movements in its overall House Price Index—Selangor and Johor each up by 1.6% and 2.6% while WP Kuala Lumpur and Pulau Pinang each down by 3.6% and 1.7%.

**Chart 11**

**MHPI: Point and Annual Changes by Type 2010 –2021<sup>P</sup>**





Chart 12

MHPI: Point and Annual Changes in Major States 2010 - 2021<sup>P</sup>



## Sewa

Pasaran sewa pada umumnya stabil dengan pergerakan menaik direkodkan di kawasan pilihan yang mempunyai kemudahan yang baik, bersebelahan dengan stesen LRT dan MRT serta yang terletak berhampiran institusi pengajian tinggi. Kuala Lumpur merekodkan pergerakan menaik yang marginal di lokasi yang menjadi pilihan. Teres dua tingkat di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5%, antara RM2,200 hingga RM2,600 sebulan. Selangor dan Johor menyaksikan pasaran sewa yang stabil. Teres dua tingkat di USJ 1 – USJ 20 berjualat antara RM1,200 hingga RM2,000 sebulan manakala rumah serupa di Horizon Hills dan Taman Laguna di Johor Bahru mencatatkan sewa lebih tinggi antara RM2,200 hingga RM3,000 sebulan. Di wilayah utara, pasaran sewa di Pulau Pinang secara amnya stabil walaupun beberapa skim strata menunjukkan sedikit penguncupan iaitu Pangsapuri Sri Orkid, Ocean Residences, Pangsapuri Kamelia dan Wellesley Residence.

## 2.2 Harta Perdagangan

### Transaksi

Subsektor perdagangan menyaksikan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021. Terdapat 22,428 transaksi bernilai RM27.94 bilion dicatatkan pada tahun 2021, meningkat sebanyak 10.7% dalam bilangan dan 43.1% dalam nilai berbanding dengan 2020. Pasaran yang bertambah baik disumbangkan oleh peningkatan aktiviti di kebanyakan negeri dan transaksi utama yang melibatkan kompleks perniagaan dan pejabat binaan khas direkodkan dalam tempoh kajian semula.

Selangor menyumbang bilangan tertinggi kepada syer pasaran nasional, dengan 26.8% (6,021 transaksi), diikuti WP Kuala Lumpur dengan 14.5% (3,251 transaksi). Dari segi nilai, WP Kuala Lumpur mendahului

## Rental

The rental market was generally stable with upward movements recorded in choice areas served with efficient connectivity, adjacent to LRT and MRT stations as well as those located nearby higher learning institutions. Kuala Lumpur recorded marginal upward movements in favourable locations. Double storey terrace in Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) recorded an increase of 3.5%, ranged RM2,200 to RM2,600 per month. Selangor and Johor saw stable rental market. Double-storey terrace in USJ 1 – USJ 20 ranged from RM1,200 to RM2,000 per month while similar houses in Horizon Hills and Taman Laguna in Johor Bahru recorded higher rental ranging from RM2,200 to RM3,000 per month. In the northern region, the rental market in Pulau Pinang was stable generally though several strata schemes showed slight contractions namely Pangsapuri Sri Orkid, Ocean Residences, Pangsapuri Kamelia and Wellesley Residence.

## 2.2 Commercial Property



### Transaction

The commercial sub-sector saw a better performance in 2021. There were 22,428 transactions worth RM27.94 billion recorded in 2021, increased by 10.7% in volume and 43.1% in value as compared with 2020. The improved market was contributed by the increased activity recorded in most states and the major transactions involving shopping complex and purpose-built office recorded in the review period.

Selangor contributed the highest volume to the national market share, with 26.8% (6,021 transactions), followed by WP Kuala Lumpur with 14.5% (3,251 transactions). In terms of value, WP Kuala Lumpur led the market

pasaran dengan 32.0% (RM8.95 bilion), diikuti Selangor dengan 25.3% (RM7.06 bilion).

with 32.0% (RM8.95 billion), followed by Selangor with 25.3% (RM7.06 billion).



### 2.2.1 Kedai (Kedai 1 - 6½ tingkat & Kedai Pra-perang)

#### Transaksi

Segmen kedai merekodkan 11,574 transaksi bernilai RM9.6 bilion, menguasai 51.6% daripada bilangan transaksi harta tanah perdagangan dan 34.3% daripada jumlah nilai. Prestasi pasaran mencatatkan peningkatan sebanyak 10.5% dalam bilangan dan 12.7% dalam nilai berbanding 2020.

### 2.2.1 Shop (1 - 6½ storey Shop & Pre-war Shop)

#### Transaction

Shop segment recorded 11,574 transactions worth RM9.6 billion, dominating 51.6% of the commercial property transactions volume and 34.3% of the total value. Market performance recorded an increase of 10.5% in volume and 12.7% in value against 2020.

Selangor menyumbang bilangan dan nilai tertinggi kepada syer pasaran dengan 18.4% (2,135 transaksi) dan 29.3% daripada jumlah nilai (RM2.8 bilion) diikuti Johor dengan 16.8% (1,946 transaksi) dan 15.1% daripada jumlah nilai (RM1.4 bilion).

Selangor contributed the highest volume and value to the market share with 18.4% (2,135 transactions) and 29.3% of the total value (RM2.8 billion) followed by Johor with 16.8% (1,946 transactions) and 15.1% of the total value (RM1.4 billion).

Kedai dua hingga dua setengah tingkat menyumbang sebahagian besar transaksi, menguasai 52.0% (6,023 transaksi) syer pasaran kedai, diikuti oleh kedai tiga hingga tiga setengah tingkat, mencatatkan 28.7% syer (3,324 transaksi).

Two to two and a-half storey shops formed the bulk of the transactions, capturing 52.0% (6,023 transactions) of the shops' market share, followed by three to three and a-half storey shops, registering 28.7% share (3,324 transactions).

#### Status Pasaran

Situasi kedai tidak terjual bertambah baik. Bilangannya menurun kepada 6,612 unit dengan nilai RM5.78 bilion, turun sebanyak 4.2% dalam bilangan walaupun nilai meningkat 2.3% berbanding 2020. Begitu juga, kedai dalam pembinaan belum terjual merosot sebanyak 27.6% kepada 3,899 unit manakala belum dibina belum terjual meningkat sebanyak 97.5% kepada 401 unit.

#### Market Status


Shop overhang situation improved slightly. The numbers decreased to 6,612 units with a value of RM5.78 billion, down by 4.2% in volume though value up by 2.3% against 2020. Similarly, the unsold under construction shops declined by 27.6% to 3,899 units while unsold not constructed increased by 97.5% to 401 units.

Johor mendahului kedai tidak terjual tertinggi dalam negara ini dengan 23.9% bahagian dalam bilangan dan 27.2% dalam nilai (1,578 unit bernilai RM1.57 bilion) dan dalam pembinaan belum terjual dengan 37.9% syer (1,476 unit).

Johor held the highest shop overhang in the country with 23.9% share in volume and 27.2% in value (1,578 units worth RM1.57 billion) and the unsold under construction with 37.9% share (1,476 units).

**Chart 15**

**Shop Market Status 2017- 2021**



### Aktiviti Pembinaan


Dari segi penawaran, aktiviti pembinaan adalah perlahan seperti yang ditunjukkan oleh penguncupan dalam siap dibina, mula dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing turun sebanyak 41.5% (3,169 unit), 22.9% (2,540 unit) dan 50.1% (2,024 unit). Pada akhir tahun, terdapat lebih sedikit daripada 543,000 kedai sedia ada dengan lebih daripada 30,000 unit penawaran akan datang dan hampir 32,000 unit unit penawaran dirancang.

### Construction Activity

*On the supply front, construction activity was slow as indicated by the contraction in completion, starts and new planned supply each down by 41.5% (3,169 units), 22.9% (2,540 units) and 50.1% (2,024 units) respectively. As at year-end, there were slightly more than 543,000 existing shops with more than 30,000 units in the incoming supply and nearly 32,000 units in the planned supply.*

**Chart 16**

**Shop Construction Activity**



### Harga

Harga kedai menyaksikan prestasi bercampur-campur secara menyeluruh. Di WP Kuala Lumpur, kedai tiga tingkat di Bandar Sri Permaisuri dan Taman Tun Dr Ismail dipindahmilik pada RM2.5 juta hingga RM4.9 juta, masing-masing meningkat 7.0% dan 4.8%. Di Selangor, kedai dua tingkat di SS2 Petaling Jaya dipindahmilik

### Price

*Prices of shops witnessed mixed performance across the board. In WP Kuala Lumpur, three storey shops in Bandar Sri Permaisuri and Taman Tun Dr Ismail were transacted at RM2.5 million to RM4.9 million, increased by 7.0% and 4.8% respectively. In Selangor, two storey shops in SS2 Petaling Jaya was transacted at RM2.1*

pada RM2.1 juta hingga RM2.5 juta, meningkat 6.2%. Di Johor, kedai dua tingkat di Taman Flora Utama, Batu Pahat menyaksikan penurunan harga, menurun 6.3% pada julat harga RM750,000 hingga RM800,000. Kedai serupa di Taman Nira, Batu Pahat mencatatkan pertumbuhan satu digit pada julat harga RM300,000 hingga RM360,000.

### Sewa

Sewaan kedai di tingkat bawah pada umumnya stabil. Di WP Kuala Lumpur, sewa kedai tingkat bawah kekal tinggi di Changkat Bukit Bintang antara RM22,000 hingga RM30,000 sebulan. Sentul Raya (Boulevard) dan Taman Midah mengalami sedikit peningkatan masing-masing sebanyak 6.4% dan 4.9%. Sewa di Fraser Business Park dan Jalan Tuanku Abdul Rahman masing-masing menurun 6.7% dan 5.6%. Di Selangor, sewa kekal stabil dengan pertumbuhan kecil dicatatkan di Klang, iaitu di Bandar Bukit Raja dan Bandar Baru Klang, masing-masing pada 5.3% dan 6.1%. Terdapat penurunan ketara sebanyak 9.7% di Bandar Puchong Jaya, sewa antara RM6,000 hingga RM7,000 sebulan.

Sewa kedai tingkat bawah stabil di kawasan utama pusat bandar Johor Bahru dengan Jalan Wong Ah Fook dan Jalan Station kekal tinggi pada RM6,900 hingga RM14,000 sebulan. Sewa meningkat di Pusat Perdagangan Kota Tinggi dan Bandar Baru Uda masing-masing sebanyak 15.8% dan 15.0%, antara RM1,900 hingga RM2,500 dan RM5,000 hingga RM6,500 sebulan. Di Pulau Pinang, sewa kedai di tingkat bawah stabil kecuali di luar pusat bandar menunjukkan pergerakan yang bercampur-campur. Kedai baharu dengan reka bentuk moden seperti Juru Sentral mencatatkan kadar sewa yang tinggi antara RM10,000 hingga RM15,000 sebulan.

## 2.2.2 Pangsapuri Khidmat

### Transaksi

Segmen pangsapuri khidmat merekodkan 4,359 transaksi bernilai RM2.82 bilion, membentuk 19.4% daripada bilangan transaksi harta tanah perdagangan dan 10.1% daripada nilai. Prestasi pasaran mencatatkan peningkatan sebanyak 12.7% dalam bilangan dan 11.1% dalam nilai transaksi berbanding 2020. WP Kuala Lumpur dan Selangor menyumbang syer yang lebih tinggi kepada jumlah nasional, masing-masing dengan 41.4% (1,805 transaksi) dan 38.9% (1,694 transaksi).

### Status Pasaran

Bilangan unit tidak terjual pangsapuri khidmat terus meningkat dalam tempoh kajian. Terdapat sejumlah 24,295 unit tidak terjual dengan nilai RM20.46 bilion, meningkat sebanyak 2.9% dalam bilangan tetapi turun 1.4% dalam

*million to RM2.5 million, increased by 6.2%. In Johor, two storey shops in Taman Flora Utama, Batu Pahat saw prices softening, dropped by 6.3% at a price range of RM750,000 to RM800,000. Similar shops in Taman Nira, Batu Pahat recorded single-digit growth at a price range of RM300,000 to RM360,000.*

### Rental

*The ground-floor shop rentals were generally stable. In WP Kuala Lumpur, ground floor shop rents remained high in Changkat Bukit Bintang ranging from RM22,000 to RM30,000 per month. Sentul Raya (Boulevard) and Taman Midah experienced a slight increase of 6.4% and 4.9%, respectively. Rental decreased at Fraser Business Park and Jalan Tuanku Abdul Rahman by 6.7% and 5.6% respectively. In Selangor, rents remained stable with small growth recorded in Klang, namely in Bandar Bukit Raja and Bandar Baru Klang at 5.3% and 6.1%, respectively. There was a significant decrease of 9.7% in Bandar Puchong Jaya, rental ranging from RM6,000 to RM7,000 per month.*

*Ground floor shop rents were stable in the central town prime area of Johor Bahru with Jalan Wong Ah Fook and Jalan Station remained high at RM6,900 to RM14,000 per month. Rental increased in Pusat Perdagangan Kota Tinggi and Bandar Baru Uda by 15.8% and 15.0% respectively, ranging at a lower RM1,900 to RM2,500 and RM5,000 to RM6,500 per month. In Pulau Pinang, ground floor shop rents were stable except outside city center showing a mixed movement. New shops with modern designs such as the Juru Sentral recorded high rental rates ranging from RM10,000 to RM15,000 per month.*

## 2.2.2 Serviced Apartment

### Transaction

*Serviced apartment segment recorded 4,359 transactions worth RM2.82 billion, formed 19.4% of the commercial property transactions volume and 10.1% of the value. Market performance recorded an increase of 12.7% in volume and 11.1% in value of transactions compared with 2020. WP Kuala Lumpur and Selangor contributed higher shares to the national total, each with 41.4% (1,805 transactions) and 38.9% (1,694 transactions).*

### Market Status

*The serviced apartment overhang volume continued to pile up in the review period. There was a total of 24,295 overhang units with a value of RM20.46 billion, up by 2.9% in volume but dropped 1.4% in value against 2020.*



nilai berbanding 2020. Ia membentuk sebahagian besar daripada harta tanah tidak terjual di negara ini, menyumbang 73.2% daripada jumlah keseluruhan.



*It formed the bulk of property overhang in the country, accounting for 73.2% of the total.*

Johor mencatatkan bilangan tertinggi di negara ini dengan 67.8% syer (16,476 unit) dan 69.1% syer dalam nilai (RM14.14 bilion); hampir kesemua unit tidak terjual ini berada di Daerah Johor Bahru (16,364 unit). Kebanyakan harga unit tidak terjual berada dalam lingkungan harga ini, iaitu melebihi RM500,000 hingga RM1.0 juta (15,578 unit, 64.1%) dan melebihi RM1.0 juta (5,693 unit, 23.4%).

*Johor recorded the highest volume in the country with 67.8% share (16,476 units) and 69.1% share in value (RM14.14 billion); almost all of these overhang units were in Johor Bahru District (16,364 units). Most of the overhang fell in these two price brackets, namely above RM500,000 to RM1.0 million (15,578 units, 64.1%) and above RM1.0 million (5,693 units, 23.4%).*

Begitu juga, unit dalam pembinaan belum terjual dan belum dibina belum terjual meningkat kepada 42,094 unit dan 8,361 unit, masing-masing meningkat sebanyak 19.4% dan 2.6%. WP Kuala Lumpur memegang jumlah tertinggi unit dalam pembinaan belum terjual, dengan 41.2% syer (17,356 unit), diikuti oleh Selangor dengan 25.2% syer (10,619 unit) dan Johor 19.0% (7,982 unit).

*Similarly, the unsold under construction and not constructed increased to 42,094 units and 8,361 units, up by 19.4% and 2.6% respectively. WP Kuala Lumpur held the highest number of unsold under construction, with 41.2% share (17,356 units), followed by Selangor with 25.2% share (10,619 units) and Johor 19.0% (7,982 units).*




## Aktiviti Pembinaan

Walaupun keadaan tidak terjual kurang memberangsangkan, pangsapuri khidmat mula dibina meningkat sebanyak 24.3% kepada 36,979 unit. Sebaliknya, siap dibina dan penawaran baharu dirancang masing-masing merosot sebanyak 28.6% (12,213 unit) dan 40.1% (12,820 unit). Pada akhir tahun, terdapat 295,205 unit pangsapuri khidmat sedia ada dengan 162,006 unit dalam penawaran akan datang dan 158,516 unit dalam penawaran dirancang.

## Construction Activity

Despite the lacklustre overhang situation, service apartments starts increased by 24.3% to 36,979 units. On the contrary, completion and new planned supply declined by 28.6% (12,213 units) and 40.1% (12,820 units) respectively. As at year-end, there were 295,205 existing serviced apartments units with 162,006 units in the incoming supply and 158,516 units in the planned supply.



## Harga dan Sewa

Harga pangsapuri khidmat menunjukkan arah aliran yang stabil di seluruh negeri dengan beberapa pengecualian di lokasi tertentu. Di WP Kuala Lumpur, harga pangsapuri khidmat dalam segmen pasaran sekunder secara amnya berada pada arah aliran menurun. Unit berharga melebihi RM1 juta seperti 6 Kia Peng dan Four Seasons Place masing-masing turun 12.9% dan 11.3%. Begitu juga, Fairlane Residences, Swiss Garden Hotel dan Establishment @ Alila Bangsar juga menguncup masing-masing pada 14.1%, 13.9% dan 6.9%.

## Price and Rental

